

Konsep *Istita'ah* dalam Ibadah Haji: Satu Analisis

The Concept of Istita'ah in Hajj: An Analysis

Lokman Musa¹ & Sa'adan Man²

¹ (Corresponding Author), Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: a_miey00@yahoo.com

² Department of Fiqh And Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: saadan@um.edu.my

ABSTRAK

Istita'ah atau berkemampuan merupakan salah satu daripada syarat-syarat wajib haji. *Istita'ah* dalam ibadah haji merangkumi pelbagai aspek, antaranya adalah kemampuan dari aspek kewangan, kesihatan, keselamatan, kenderaan dan mendapatkan tasrih atau kebenaran untuk melaksanakan haji iaitu kuota dan visa. Persediaan yang rapi perlu dilakukan oleh bakal haji kerana ibadah ini berbeza dengan ibadah yang lain. Hal ini adalah kerana ia bukan sahaja melibatkan badaniyah iaitu tubuh badan yang sihat dan cergas, bahkan melibatkan maliyah iaitu kewangan yang mencukupi. Kesemua aspek ini perlu difahami dengan sebaik mungkin bagi membolehkan bakal haji melaksanakan ibadah haji dengan sempurna. Justeru, kajian ini membincangkan konsep *istita'ah* sebagai salah satu keperluan sebelum orang Islam diwajibkan untuk melaksanakan ibadah haji. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui konsep *istita'ah* dalam ibadah haji berdasarkan nas al-Quran dan menganalisis khitab yang berkaitan dengannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui rekabentuk kajian analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan bahawa *istita'ah* adalah kemampuan seseorang untuk melaksanakan ibadah haji bergantung kepada situasi dan keadaan mereka.

Kata Kunci: *Istita'ah*; Haji; Al-Quran; Kemampuan

ABSTRACT

Istita'ah or the capability is one of the requirements to perform the Hajj. In Hajj, *istita'ah* includes various aspects such as financial, health, safety, transportation, and obtaining a quota and visa before performing the Hajj. The Muslims must prepare accordingly as this practice is slightly different than other practices. The situation above happens as it involves badaniyah (physical) such as having a healthy and fit body and maliyah as sufficient finances. All the requirements above need to be understood well to ensure that Muslims perform their Hajj properly. Thus, this study discusses the concept of *istita'ah* as the requirement needed by Muslims to perform the Hajj. The objective is to determine the *istita'ah* in Hajj by analyzing both the Quran and books related to the concept mentioned above. The study uses a qualitative

approach through content analysis study design. The result shows that the istita'ah is the ability to perform the Hajj depending on the situation and circumstances.

Keywords: *Istita'ah; Hajj; Quran; Ability*

1. Pendahuluan

Haji merupakan kewajiban umat Islam yang berkemampuan menunaikannya sekali seumur hidup. Pelaksanaan ibadah ini menjadi idaman setiap muslim kerana ia adalah tuntutan rukun Islam yang kelima. Namun,untutannya perlu difahami dengan sebaik-baiknya kerana perlu memenuhi segala rukun, wajib dan syarat-syaratnya selain perlu dilaksanakan dalam kawasan yang ditetapkan dan dalam waktu tertentu (al-Syaddi, 2011). Konsep *istita'ah* merupakan landasan dasar penerapan syariat Islam khususnya dalam ibadah haji agar umat Islam yang belum tergolong dalam kategori *istita'ah* tidak wajib menunaikan ibadah haji dan tidak dianjurkan untuk berusaha dengan pelbagai cara sehingga mengundang masalah terutama dalam aspek kewangan yang berpunca daripada ketidakmampuan kewangan untuk mendaftar haji (Ahmad Bahrin Nada, 2019).

Kewajipan menunaikan ibadah haji salah satunya berkunjung ke Baitullah. Pelaksanaan ibadah tidak dapat dicapai jika tidak mempunyai persediaan dari segi kemampuan atau *istita'ah*. Pengertian *istita'ah* merangkumi tiga sudut. Yang pertama *istita'ah al-maliyah*, iaitu kemampuan dari segi kewangan. Kedua, *istita'ah al-badaniyah*, iaitu kemampuan dari segi kesihatan fizikal. Ketiga, *istita'ah al-amniyyah*, iaitu kemampuan keselamatan diri termasuk mempunyai kenderaan, tiket kapal terbang dan kelulusan mendapatkan visa haji. Justeru, kajian *istita'ah* yang ada dalam tafsir al-Quran dan fiqh Islam menjadi sangat penting kerana dapat menentukan sejauh mana seseorang dibebankan kewajiban dalam melaksanakan perintah Allah. Oleh yang demikian, kajian ini perlu diketengahkan untuk menjelaskan kepada golongan masyarakat yang masih belum memahami konsep *istita'ah*.

2. Skop Dan Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu penyelidikan teks dokumen dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks yang menganalisis wacana lisan pada *khitab* ayat dalam surah Ali Imran. Pengkaji melakukan penelitian terhadap variasi pada ayat dan pengertiannya yang memberi maksud implisit atau eksplisit. Data kajian dianalisis dan diolah mengikut kesesuaian kajian teks al-Quran berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh ahli tafsir yang muktabar. Skop perbincangan dalam kajian ini adalah tentang konsep *istita'ah* dalam ibadah haji yang tertumpu pada nas al-Quran dan pandangan fuqaha'.

Reka bentuk kajian ini pada keseluruhannya adalah berbentuk analisis kandungan teks dengan menggunakan kaedah deskriptif. Kaedah kajian ini dibentuk sejajar dengan matlamat dan objektif kajian. Pendekatan digunakan untuk mencapai objektif kajian ini, iaitu pendekatan kualitatif.

3. Ibadah Haji

Ibadah haji merupakan suatu kefardhuan yang wajib ditunaikan oleh setiap individu Muslim yang berkemampuan. Ia merupakan salah satu daripada rukun Islam yang kelima yang perlu ditunaikan sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup. Definisi haji dari segi bahasa bererti mengunjungi atau menuju ke sesuatu tempat. Manakala dari sudut syarak pula bermaksud mengunjungi Mekah untuk menunaikan ibadah yang tertentu dengan syarat-syarat yang dikhususkan. (Mu'jam Maqayis al-Lughah Ibn Faris, 1994)

Menurut al-Jaziri, (1990) ibadah haji adalah amalan-amalan tertentu yang perlu ditunaikan pada masa yang dikhususkan di tempat yang khusus mengikut tatacara yang dikhususkan. Manakala bagi Wahbah al-Zuhaili, (2002) pula menyatakan takrifan haji adalah menziarahi tempat tertentu dalam masa tertentu untuk pekerjaan tertentu.

Ibadah haji merupakan kemuncak perhambaan manusia kepada tuhan dan dengan melaksanakannya umpama telah sempurna lima rukun Islam. Kewajipan menunaikannya telah dinyatakan dalam al-Quran, al-Sunnah dan ijmak ulama. Antara dalil yang menunjukkan kewajipan haji adalah firman Allah dalam surah Ali Imran:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (mengkikari kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk. (Ali Imran, 3: 97)

Ayat di atas menjelaskan bahawa kewajipan haji untuk melaksanakan ibadah haji hanya bagi mereka yang berkemampuan. Terdapat beberapa pandangan fuqaha' berkenaan istilah *istita'ah* atau kemampuan mengikut keadaan seseorang muslim bagi melaksanakan ibadah suci berkenaan. Dalil yang seterusnya ada dinyatakan melalui firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 196:

وَأْتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ۝۱۱۶

Terjemahan: Dan sempurnakanlah ibadah Haji dan Umrah kerana Allah (al-Baqarah, 2:196)

Ayat di atas menunjukkan pada perkataan “أَتِمُّوا” yang memberi erti suruhan atau galakkan untuk menunaikan ibadah haji. Manakala dalil kewajipan haji dari al-Sunnah juga didapati seperti berikut: Abu Abdirrahman, Abdullah bin Umar bin al-Khathab RA meriwayatkan:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ : شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَحَجَّ الْبَيْتِ وَصَوْمَ رَمَضَانَ

Terjemahan: Saya telah mendengar Rasulullah bersabda: “Islam didirikan di atas lima perkara iaitu bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan berpuasa pada bulan Ramadhan.

[*Sahih Muslim*, no. hadith: 113, Dinilai *sahih* oleh Khalil Ma'mun Syeiha]

Menurut Imam Nawawi, hadis di atas jelas menunjukkan bahawa terbinanya asas-asas dalam rukun Islam. (al-Nawawi, 1998)

4. Konsep Istita'ah Dalam Ibadah Haji

4.1 Pengertian Istita'ah

Istilah *istita'ah* dalam ibadah haji diambil dan dirujuk dari kata *istita'ah* dalam al-Quran (Ali Imran, 3: 97). Perkataan tersebut dinyatakan dalam nas al-Quran dan terdapat perbahasan fuqaha' mengenai lafaz *istita'ah* atau kewajipan dalam menunaikan ibadah haji. Kata *istita'ah* yang dinyatakan dalam ayat tersebut dirumuskan oleh ahli *mufassirin* dan fuqaha' sebagai salah satu syarat yang harus dipenuhi seseorang untuk menunaikan ibadah haji. Secara umumnya, umat Islam memahami *istita'ah* pada surah Ali Imran ayat 97 adalah kemampuan seseorang untuk sampai ke Mekah dan menunaikan haji.

Lafaz *istita'ah* pada nas al-Quran dalam surah Ali Imran, ayat 97 sebagaimana firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

Terjemahan: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan

sesiapa yang kufur (mengingkari kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk. (Ali-Imran, 3: 97)

Berdasarkan ayat di atas, kebanyakan fuqaha' telah bersepakat menyatakan *istita'ah* adalah salah satu dari empat syarat umum wajib haji. Ketetapan syarat tersebut berdasarkan nas pada 'مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا'. Oleh yang demikian, seseorang yang tidak mempunyai *istita'ah* maka tidak diwajibkan menunaikan ibadah haji.

Perkataan *istita'ah* menurut etimologi adalah *masdar* dari kata *istata'a*, *yastati'u*, yang bererti mampu, sanggup, dan dapat (Mu'jam al-Wasit, 2004). Istilah tersebut diambil dari perkataan *ata'a yati'u*, yang bermaksud "tunduk, patuh, dan taat (Mu'jam al-Arabi al-Asasi, 1999)". Seseorang yang sanggup melakukan sesuatu pula disebut *mustatha'*. Menurut al-Raghib al-Asfahani, *istita'ah* merupakan kemampuan atau kesanggupan seseorang untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang diinginkannya. Beliau menambah *istita'ah*, menurutnya mempunyai kaitan dengan empat elemen penting, iaitu pelaku, aktiviti, cadangan, dan perkara yang dihasilkan. Apabila salah satu elemen tersebut hilang, maka gugurlah *istita'ah* atau kemampuan tersebut, melainkan lebih tepat ia disebut 'ajaz atau ketidakmampuan (al-Raghib al-Asfihani, 2008). Hal ini dapat difahami secara terminologi bahawa perkataan *istita'ah* memberi erti kemampuan seseorang untuk melakukan sesuatu.

Pada pandangan Wahbah al-Zuhaili dalam tafsirnya al-Tafsir al-Munir, perkataan *istita'ah* telah ditafsirkan sama dengan para sahabat seperti Ibn Umar dan lain-lainnya berdasarkan hadis Nabi pada lafaz "*Bi al-Zad wa al-Rahilah*" iaitu bermaksud bekalan dan kenderaan. Beliau menambah bahawa kefarduan haji bagi bakal haji yang memiliki *istita'ah* perlu dilaksanakan tanpa ada halangan (Wahbah al-Zuhaili, 2003).

Al-Baghawi pula menjelaskan dalam tafsirnya *istita'ah* terbahagi kepada dua kategori, pertamanya *istita'ah bi nafsih* iaitu kemampuan melaksanakan dengan sendiri. Kedua *istita'ah bi ghairih* iaitu kemampuan dengan bantuan orang lain disebabkan berlaku keuzuran (al-Baghawi, 1989). Manakala Muhd Rasyid Ridha, mentafsirkan *istita'ah al-sabil* sebagai kemampuan untuk sampai kepadanya. Kemampuan tersebut berbeza kerana ia mengikut keadaan kemampuan seseorang dari segi jarak kedudukan mereka dari Baitullah (Ridha, 1985).

Menurut al-Khaizin pula dalam pentafsirannya menyatakan bahawa *istita'ah* merupakan syarat wajib sahaja, ia tidak tergolong dalam golongan sah haji sehingga seseorang yang tidak dikategorikan sebagai orang yang mampu untuk menunaikan ibadah haji (al-Khazin, 2004). Menurut al-Razi pula dalam tafsirnya menyatakan bahawa *istita'ah* dikategorikan kepada dua jenis kemampuan yang bergantung atas kemampuan jemaah masing-masing. Pertama kemampuan dari segi bekalan dan kenderaan menuju Baitullah.

Kemampuan ke atas dirinya sendiri bergantung kepada kesihatan jasmani walaupun tidak memiliki kemampuan kewangan yang cukup seperti kenderaan untuk menuju ke Baitullah, akan tetapi dia memiliki bekalan yang memungkinkan untuk melakukan perjalanan menuju ke Baitullah walaupun pergi menunaikan haji dengan cara berjalan kaki sekali pun (al-Razi, 1981). Menurut al-Qurtubi dalam *Tafsir al-Jami' Li Ahkami al-Quran* menyatakan ayat al-Quran pada sebelum ini merupakan dalil yang mewajibkan umat Islam untuk melaksanakan ibadah haji. Kewajipan tersebut adalah bergantung kepada kemampuan seseorang muslim (al-Qurtubi, 2002).

Jadual 1: Maksud Istilah *Istita'ah* Mengikut Pandangan *Mufassirin*

Pandangan	Tafsir	Maksud
Al-Raghib al-Asfahani	Mufradat al-Qur'an.	Kesanggupan seseorang untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang diinginkan
Wahbah al-Zuhaili	Al-Tafsir al-Munir	Bekalan dan kenderaan
Al-Baghawi	Tafsir al-Baghawi.	Terbahagi kepada 2 iaitu <i>istita'ah bi nafsih</i> iaitu kemampuan melaksanakan haji dengan sendiri dan <i>istita'ah bi ghairih</i> iaitu kemampuan dengan bantuan orang lain.
Muhd Rasyid Ridha	Tafsir al-Quran al-Karim al-Syahir bi Tafsir al-Manar Tafsir al-Khazin,	' <i>Al-sabil</i> ' sebagai kemampuan untuk sampai kepadanya
Al-Khaizin	Lubab al-Ta'wil fi ma'ani al-Tanzil.	Syarat wajib sahaja
Al-Razi	Tafsir al-Kabir wa Mafati.	Terbahagi kepada 2 mengikut keadaan individu iaitu bekalan dan kesihatan
Al-Qurtubi	Tafsir al-Jami' li Ahkami	Kemampuan mengikut keadaan individu Muslim

Jadual 1 di atas menunjukkan pengertian istilah *istita'ah* antara *mufassirin*. Daripada jadual tersebut dapat dilihat perbezaan pandangan maksud istilah *istita'ah* antara *mufassirin*. Walaubagaimanapun, perbezaan pandangan tersebut masih memfokuskan kemampuan bagi melaksanakan ibadah haji mengikut keadaan seseorang Muslim.

4.2 *Istita'ah* Mengikut Pandangan Empat Mazhab

Perbahasan ulama fiqh mengenai konsep *istita'ah* dalam ibadah haji juga telah dibahaskan mengikut pandangan empat mazhab. Perbahasan tersebut mewujudkan perbezaan mengenai makna *istita'ah* berdasarkan kemampuan yang dinyatakan dalam surah Ali Imran pada ayat ke-97 adalah sebagaimana berikut:

4.2.1 *Mazhab Hanafi*

Konsep *istita'ah* menurut ulama Mazhab Hanafi telah dibahagikan kepada tiga perkara. Pertama, kemampuan dari segi fizikal. Kedua, kemampuan dari segi kewangan dan ketiga kemampuan dari segi selamat dalam perjalanan. Kemampuan dari segi fizikal bermaksud seseorang itu berada dalam keadaan sihat tubuh badannya. Pandangan al-Kasani menyatakan bahawa hukum haji tidak diwajibkan ke atas orang yang sakit, lumpuh, mereka yang mempunyai penyakit kronik, orang buta, tahanan dan orang tua yang tidak mampu untuk menguruskan keadaan dirinya (al-Mas'ud, t.t).

Kemampuan dari segi kewangan pula adalah meliputi bekalan dan kenderaan termasuk pergi dan pulang. Di samping itu, penyediaan nafkah dari segi perbelanjaan yang mencukupi terhadap keluarga dan tanggungan juga termasuk dalam kemampuan tersebut. Manakala kemampuan dari segi selamat dalam perjalanan pula bermaksud mempunyai kenderaan yang dikhususkan untuk menunaikan ibadah haji. Justeru itu, kenderaan tersebut hendaklah bersesuaian mengikut keadaan seseorang. Syarat kenderaan pula dikhususkan bagi mereka yang menetap di luar Mekah iaitu jaraknya jauh yang mengambil masa tiga hari dalam perjalanan atau lebih. Keadaan Muslim yang tinggal berdekatan Mekah berbeza kerana mereka diwajibkan menunaikan haji jika mampu untuk berjalan kaki.

4.2.2 *Mazhab Maliki*

Konsep *istita'ah* menurut ulama Mazhab Maliki merujuk kepada tiga aspek kemampuan iaitu kemampuan dari segi kesihatan fizikal, kemampuan dari segi penyediaan bekalan yang mencukupi dan kemampuan dari segi keselamatan dalam perjalanan. Menurut Ibn Rusyd (2004), kemampuan dari segi kesihatan fizikal adalah dikira berdasarkan kemampuan terhadap diri seseorang itu untuk sampai ke Mekah samada dengan cara berjalan kaki atau menaiki kenderaan. Jika berlaku kemungkinan wujud kesukaran atau bebanan mereka dibolehkan menggunakan jalan darat atau pun jalan laut. Selain itu, bakal jemaah haji dikira telah mencapai *istita'ah* apabila mereka mampu untuk berjalan termasuk juga bagi mereka yang buta jika ada pengiringnya.

Ahmad al-Suduki(t.th) telah menjelaskan bahawa kemampuan untuk sampai ke Mekah adalah mengikut adat kebiasaan sama ada secara berjalan kaki atau menaiki kenderaan. Keadaan ini hanya merujuk kepada kemampuan untuk pergi ke Mekah sahaja. Ada pun perjalanan ketika pulang ia tidak termasuk dalam hal demikian.

Kemampuan dari segi penyediaan bekalan pula bermaksud membawa bekalan yang mencukupi mengikut kesesuaian bagi diri masing-masing. Bagi bekalan yang mencukupi boleh diganti dengan wujudnya pekerjaan yang boleh dibuat ketika dalam perjalanan. Bagi mereka yang mempunyai pekerjaan pula,

mereka tidak perlu membawa bekal jika pekerjaan tersebut boleh memberi pendapatan yang mencukupi. Manakala kemampuan dari segi keselamatan dalam perjalanan adalah laluan yang ingin digunakan adalah selamat dari ancaman nyawa dan harta seperti rompakan, peperangan atau seumpamanya. Jika berlaku situasi yang memudaratkan seperti jalan biasa yang ingin dilalui tidak selamat dan jalan laut merupakan satu-satunya jalan yang ada, maka ulama mazhab Maliki berpendapat tidak diwajibkan haji kerana telah gugurnya *istita'ah* tersebut.

4.2.3 *Mazhab Syafi'i*

Para ulama mazhab Syafi'i telah membahagikan konsep *istita'ah* kepada dua jenis. Pertama, orang yang tinggal di Mekah dan kawasan yang berdekatan dikenali sebagai bermukim. Kedua, orang yang tinggal jauh dari Mekah iaitu sebagai musafir. Umat Islam yang tinggal lebih dari 89km jarak jauhnya dari Mekah dikira mempunyai *istita'ah*. Walau bagaimanapun, terdapat tujuh keadaan yang mesti dipenuhi oleh mereka untuk menunaikan ibadah haji. (al-Syarbini, Muhammad, 2000)

Keadaan pertama ialah kemampuan dari segi fizikal. Kemampuan fizikal bermaksud memiliki keupayaan badan yang sihat. Bagi situasi orang buta pula mereka dapat melakukan haji jika mereka mendapat bantuan dari orang yang memimpinnya. Sementara itu, mereka yang memerlukan pengawasan (*mahjur 'alaih*) juga boleh melakukan haji. Perbelanjaan mereka mesti diuruskan oleh walinya atau wakil walinya untuk menunaikan ibadah haji (Wahbah al-Zuhaili, Fiqh al-Islam wa Adillatuhu, 2002).

Kedua, kemampuan dari segi penyediaan kenderaan atau pengangkutan. Mereka yang mempunyai kenderaan atau pengangkutan dianggap sebagai *istita'ah* untuk melaksanakan haji. Menurut al-Jaziri (1990), hal berkenaan diwajibkan kepada wanita yang tinggal sama ada jaraknya dekat atau jauh dari Mekah perlu menggunakan pengangkutan atau kenderaan. Manakala bagi lelaki hanya perlu mempunyai kenderaan atau pengangkutan jika mereka tinggal lebih dari dua marhalah jaraknya dari Mekah. Sementara itu, keadaan ini tidak ditunjukkan kepada lelaki yang tinggal berhampiran Mekah. Selagi mereka dapat berjalan kaki, maka diwajibkan menunaikan ibadah haji tanpa kenderaan atau pengangkutan.

Ketiga, kemampuan dari segi kewangan. Menurut al-Syarbini (2000), kemampuan dari segi kewangan bermaksud seseorang yang mempunyai wang yang mencukupi termasuk ketika pergi dan pulang dari menunaikan ibadah haji. Di samping itu, penyediaan nafkah kepada keluarga dan tanggungan juga perlu disediakan. Manakala bagi yang mempunyai hutang perlu dilunaskan sebelum pergi melaksanakan ibadah haji. Oleh yang demikian, sekiranya nafkah mampu disediakan dan hutang dapat dilunaskan, maka seseorang itu dikira telah berkemampuan untuk melaksanakan ibadah haji.

Keempat, kemampuan dari segi bekal. Menurut Wahbah al-Zuhaili, (2002), seseorang mesti mempunyai bekal makanan dan minuman yang mencukupi untuk dirinya sendiri dan haiwan tunggangannya. Sekiranya bekal tersebut tidak dapat disediakan, maka tidak wajib melaksanakan hajinya. Haji juga tidak wajib kepada mereka yang terpaksa membeli makanan atau minuman dengan harga yang tinggi semasa perjalanan mereka ke Mekah (Wahbah al-Zuhaili, Fiqh al-Islam wa Adillatuhu, 2002).

Kelima, kemampuan dari segi keselamatan dalam perjalanan adalah salah satu syarat yang diperlukan. Al-Nawawi (2005) berpendapat bahawa ibadah haji tidak diwajibkan kepada mereka yang meragui keselamatan diri mereka dan hartanya dalam perjalanan menuju ke Mekah. Oleh itu, tidak diwajibkan haji kepada umat Islam yang hanya mempunyai satu laluan sahaja yang boleh dilalui tetapi laluan tersebut berbahaya dan tidak selamat.

Keenam, kemampuan dari segi mahram yang dikhususkan kepada wanita. Menurut al-Syarbini (2000), wanita yang tidak mempunyai mahram dibenarkan menyertai sekumpulan wanita yang dipercayai (*thiqah*) untuk melaksanakan haji. Justeru itu, kumpulan tersebut harus terdiri daripada wanita dewasa. Ibadah haji tidak diwajibkan kepada golongan wanita yang hanya disertai dengan wanita lain malah golongan ini juga dilarang untuk pergi bersendirian atau menyertai kumpulan lelaki.

Ketujuh, kemampuan melaksanakan ibadah haji dalam tempohnya. Menurut Wahbah al-Zuhaili, (2002) seseorang itu telah mencukupi perkara-perkara tertentu sebelum melaksanakan haji dan mempunyai tempoh masa untuk menunaikan ibadah haji. Tempoh haji bermula dari bulan Syawal sehingga hari ke-10 Dzulhijjah. Kewajipan haji gugur jika seseorang itu tidak mampu menunaikannya dalam tempoh tersebut.

4.2.4 *Mazhab Hambali*

Konsep *istita'ah* menurut mazhab Hanbali adalah berkaitan dengan kemampuan mempunyai bekal dan kenderaan (Ibn Qudamah & Ahmad, 1997). Maksud bekal adalah merujuk kepada barang keperluan termasuk pakaian, makanan dan minuman sepanjang perjalanan pergi dan pulang. Bekal minuman sangat penting bagi mereka yang berada dalam perjalanan sama ada dekat atau jauh. Sekiranya seseorang itu tidak mempunyai bekal tersebut maka tidak diwajibkan haji.

Manakala kemampuan dari segi adanya kenderaan pula bererti seseorang itu memiliki kenderaan atau dengan cara menyewa kenderaan untuk dijadikan sebagai pengangkutan pergi dan balik. Ibn Qudamah & Ahmad, (1997) menyatakan perihal mengenai kenderaan yang mana ia diperlukan bagi mereka yang berada diluar Mekah walaupun mereka mampu melaksanakan haji dengan berjalan kaki. Jarak perjalanan berkenaan yang disyaratkan adalah jarak yang boleh diqasarkan solat. Manakala bagi penduduk Mekah dan

kawasan yang berdekatan tidak pula disyaratkan memiliki kenderaan. Mereka dikira golongan yang berkemampuan untuk berjalan kaki ke Mekah dalam keadaan selamat dan tidak memudaratkan. Keadaan bagi mereka yang sakit atau lemah pula disyaratkan mempunyai kenderaan sama ada jaraknya dekat atau jauh dari Mekah.

Di samping itu, penyediaan bekalan dan kenderaan dibawah tanggungan perlu ditunaikan termasuk segala hutang perlu dilunaskan terlebih dahulu sebelum berangkat ke tanah suci Mekah. Dari segi aspek keselamatan dalam perjalanan ke Mekah juga perlu diyakini selamat untuk tiba di Mekah mengikut tempoh haji. Setelah memenuhi syarat-syarat berkenaan, maka individu tersebut digolongkan dalam kalangan mereka yang berkemampuan dan wajib menunaikan ibadah haji (Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh al-Islam wa Adillatuhu*, 2002).

Jadual 2: Konsep *Istita'ah* dalam Ibadah Haji Mengikut Pandangan Empat Mazhab

Mazhab	Konsep <i>Istita'ah</i>
Hanafi	Kesihatan fizikal Kewangan Keselamatan dalam perjalanan
Maliki	Kesihatan badan Bekalan yang mencukupi Keselamatan dalam perjalanan
Syafi'i	Kesihatan yang baik Kenderaan (Pergi / Balik) Kewangan yang mencukupi Bekalan termasuk diri sendiri dan binatang tunggangan Keselamatan dalam perjalanan
Hambali	Mahram Ada masa untuk menunaikan haji Bekalan yang mencukupi Kenderaan menuju ke Mekah

Sumber: (Abdul Rahman al-Jaziri, 1990)

Jadual 2 menunjukkan konsep *istita'ah* dalam ibadah haji mengikut pandangan empat mazhab. Penjelasan konsep *istita'ah* melalui jadual berikut dapat memberi penjelasan dengan lebih jelas dan memudahkan umat Islam untuk memahaminya. Walaupun terdapat perbezaan dalam kalangan empat mazhab namun kepentingan konsep *istita'ah* tersebut boleh dijadikan panduan kerana ia merupakan salah satu syarat untuk menunaikan ibadah haji.

4.2.5 Perbandingan Maksud Istilah Istita'ah Antara Fuqaha' Dan Mufassirin

Secara umumnya pentafsiran istilah *istita'ah* memberikan banyak maksud dalam kalangan mufassirin dan fuqaha'. Walaupun berbeza pendapat dalam menentukan batasan-batasan *istita'ah* namun masih wujud persamaan dari segi konsep *istita'ah* itu sendiri.

Perbezaan pentafsiran tersebut timbul mengikut situasi yang dialami pada waktu yang tertentu. Dapat dilihat juga, pandangan mufassirin adalah lebih ringkas dan menyentuh istilah *istita'ah* secara umum sahaja. Manakala ahli fuqaha' lebih teliti dan menghuraikan maksud *istita'ah* secara terperinci dan mendalam.

Sebagai kesimpulannya, konsep *istita'ah* yang diutarakan oleh mufassirin pada *khitab* istilah *istita'ah* pada ayat 97 surah Ali Imran mempunyai persamaan dengan fuqaha' dalam menentukan maksud *istita'ah* iaitu kemampuan seseorang untuk sampai ke Mekah untuk menunaikan ibadah haji. Hal ini selari dengan penjelasan Nabi S.A.W ketika ditanya oleh para sahabat mengenai pengertian "*sabila*" dalam ayat di atas, Rasul S.A.W bersabda: '*al-zaad wa al-rahilah*', maksudnya bekalan dan kenderaan.

4.3 Istita'ah Mengikut Situasi Semasa

Selain konsep *istita'ah* dalam ibadah haji yang telah dinyatakan oleh fuqaha' terdahulu berdasarkan firman pada Surah Ali Imran pada ayat 97, terdapat beberapa aspek kemampuan bagi bakal haji untuk menunaikan ibadah haji yang menjadi satu keperluan mengikut realiti dan situasi semasa. Hal ini telah menjadi satu ketetapan untuk menunaikan ibadah haji supaya ibadah tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan teratur.

4.3.1 Kuota Haji

Perkataan kuota diambil dari quota iaitu dalam bahasa Latin, yang bermaksud suatu pembatasan terhadap keluar masuknya sesuatu barangan ke dalam suatu negara atau pasaran antarabangsa dalam tempoh tertentu. Dari sudut ekonomi, suatu kuota ditetapkan untuk menentukan jumlah barang bagi mendapat keizinan dalam urusan perdagangan eksport dan import. Tujuannya untuk menjaga keseimbangan neraca perdagangan dalam negerinya. Manakala pengertian kuota haji pula bermaksud pembatasan jumlah keluar masuknya seseorang bagi suatu negara (Fadhillah Ilham Mulkin, La Ode Angga, & Sabri Fataruba, 2021).

Kuota juga jika dirujuk dalam kamus (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010) memberi maksud bilangan maksimum sesuatu yang diperuntukkan,

dibenarkan atau ditetapkan. Manakala dalam bahasa Arab pula disebut '*tahdid*'. Kata dasar bagi perkataan *tahdid* ialah 'had' iaitu menegah (Mu'jam al-Arabi al-Asasi, 1999). Berdasarkan maksud di atas, had dalam konteks pengurusan haji bermaksud menghadkan bilangan jemaah haji dan ia telah diistilahkan sebagai kuota.

Penetapan kuota bagi jemaah haji adalah berdasarkan kepada maqasid al-Syariah yang melihat kepada masalah-masalah dalam menentukan perjalanan haji supaya lebih teratur dan selamat. Penentuan kuota haji dalam kaedah usul fiqh iaitu masalah mursalah telah diambil kira kerana menjaga masalah beberapa pihak termasuk jemaah haji dan pihak kerajaan Arab Saudi sebagai tuan rumah yang akan menguruskan jemaah haji supaya perjalanan haji selesai dan selamat. Masalah ini telah diterima oleh para ulama sebagai satu dalil untuk dijadikan hujah tentang kepentingan bagi memastikan masalah jemaah haji itu terjaga.

Terdapat beberapa pandangan ulama kontemporari dalam menentukan hukum samaada dibolehkan had atau tidak boleh hadkan bilangan jemaah haji dalam satu-satu musim haji. Pandangan yang mengharuskan bilangan jemaah haji dihadkan, antaranya Dr. Yusuf al-Qardawi, Syeikh Hamid Abdullah al-'ali, Syeikh 'Atiyah Saqar, dan Lajnah al-Fatwa al-Kuwitiyyah. Manakala Dr. Amir Abdul Aziz berpendapat bilangan jemaah haji tidak boleh dihadkan (Yusuf Abdul Rahim Salim Salamah, 2003).

Dalam konteks semasa, kouta rasmi haji negara-negara dalam pertubuhan negara-negara Islam (Organisation of Islamic Cooperation – OIC) termasuk Malaysia adalah berpandukan kepada Mesyuarat OIC pada tahun 1988 di Amman, Jordan. Pihak kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kouta haji setiap negara pada kadar 0.1% daripada jumlah penduduk negara berkenaan. Kuota rasmi haji Malaysia adalah sebanyak 31,600 orang (berdasarkan perangkaan penduduk Malaysia sehingga kini (Tabung Haji, Kuota Haji, 2019).

Dengan adanya kuota haji, maka tidak semua calon jemaah haji yang berdaftar dapat menunaikan ibadah haji pada tahun semasa. Mereka perlu menunggu giliran pada tahun seterusnya. Hal ini menunjukkan bahawa mendapatkan kuota menjadi salah satu syarat *istita'ah* dalam melaksanakan ibadah haji. Ini selaras dengan Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan kali ke-26 Musim Haji 1432H/2011 memutuskan bahawa;

- i. Berdasarkan fiqh awlawiyat, demi meraikan peruntukan kuota hendaklah memberikan keutamaan kepada orang yang belum pernah mengerjakan haji.
- ii. Mendapatkan kuota haji dikira sebagai syarat *istita'ah* (Tabung Haji, Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-26 Musim Haji 1432/2011, 2011)

Mutakhir ini, dunia dikejutkan dengan penularan Wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk Coronavirus2 (SARS-CoV-2) yang dipercayai dibawa dari negara China (G.Li&Clereq, 2020: Singhal,T, 2020). Pada 11 Mac 2020 yang lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengishtiharkan penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) sebagai pandemik (Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO), 2020). Banyak negara telah terkesan dengan penularan penyakit berjangkit ini termasuklah Malaysia. Hal ini telah menyebabkan kerajaan Malaysia terpaksa mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penyebaran wabak Covid-19 (Tang, 2020). Perkara ini turut memberi kesan kepada ibadah haji yang terpaksa ditangguhkan ekoran dari negara Arab Saudi yang tidak mengeluarkan kuota kepada semua negara (Tabung Haji, Menghayati Istita'ah Haji Dalam Menangani Wabak, 2020). Oleh yang demikian, ibadah haji tidak diwajibkan kerana ketiadaan *istita'ah* kuota haji.

4.3.2 Visa Haji

Visa merupakan kebenaran yang berupa cap pengesahan rasmi pada pasport seseorang yang membolehkannya memasuki atau melalui negara asing yang memberikan kebenaran itu (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2010). Dalam penggunaan bahasa Arab visa disebut تأشيرة الحاج dikategorikan sebagai '*tasrih*' yang memberi erti kebenaran. *Tasrih* haji merupakan kebenaran yang diberikan oleh kerajaan Arab Saudi untuk menunaikan ibadah haji. Tanpa kebenaran seseorang tidak dibenarkan menunaikan ibadat haji. Oleh yang demikian, kebenaran menunaikan ibadah haji oleh kerajaan Arab Saudi merupakan syarat *istita'ah* yang meliputi *istita'ah amniyah* (aman dan selamat), berdasarkan tafsiran perkataan سَبِيلًا pada ayat 97 Surah Ali Imra مَن اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا (Al-Tabari menukilkan bahawa ada yang berpendapat maksud سَبِيلًا ialah الطاقة للوصول إليه iaitu 'jalan yang memampukan seseorang sampai ke (tempat menunaikan) haji' (al-Tabari, t.t).

Pandangan Dr. Eman Salem Gaboos menyatakan pensyaran mendapatkan kebenaran adalah selari dengan kaedah fiqh (Eman Salem Gaboos, 2019) seperti berikut:

- i. "قاعدة المُشَقَّة تَجَلِب التَّيسِير" iaitu kesukaran mendatangkan kesenangan. Hal ini menunjukkan dengan pensyaran *tasrih* atau kebenaran dapat mengelakkan kesesakan dan kerosakan apabila tidak terkawal dan dapat membantu jemaah haji melaksanakan ibadat mereka dengan mudah dan senang.
- ii. "قاعدة دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ" iaitu menolak kerosakan diutamakan dari menarik kebaikan. Kesesakan jemaah haji di Masya'ir boleh mengakibatkan keburukan dan kemudaratan

- kepada jiwa dan harta. Dengan ada ketetapan *tasrih* dapat menghindarkan dari berlakunya perkara yang tidak diinginkan.
- iii. Kaedah "تَصَرَّفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ" iaitu tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah berdasarkan masalah. Mengenakan syarat *tasrih* dari pemerintah tidak dibuat dengan sia-sia namun sebaliknya bertujuan menjaga kemudharatan awam. Oleh itu, kewajipan mematuhi syarat *tasrih* atau kebenaran yang ditetapkan pemerintah tersebut harus dipatuhi bertetapan dengan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu. (al-Nisa',4:59)

Sehubungan dengan itu, apa yang dilakukan kerajaan Arab Saudi dari segi penggubalan undang-undang tersebut adalah untuk mengawal bilangan jemaah haji dan umrah dan menentukan musim umrah bagi memudahkan urusan jemaah haji. Ia selari dengan syarak dan merupakan prosedur yang bukan bertujuan untuk menghalang mereka menunaikan ibadah haji bahkan menyusun peraturan bagi memudahkan jemaah melaksanakan haji mereka dengan baik dan teratur. Oleh yang demikian, kebenaran atau visa haji dikeluarkan kerajaan Arab Saudi adalah berdasarkan bilangan kuota jemaah haji yang diberikan kepada setiap negara. Kuota ini diperkenalkan bagi tujuan memelihara kemaslahatan jemaah haji supaya bilangan mereka bersesuaian dengan keluasan kawasan Masya'ir haji.

5. Kesimpulan

Ibadah haji merupakan rukun Islam yang kelima yang difardukan oleh Allah SWT terhadap hambanya yang mempunyai *istita'ah* atau kemampuan berdasarkan nas yang dinyatakan dalam surah Ali Imran pada ayat ke-97. Konsep *istita'ah* yang menjadi perbincangan dalam kalangan ulama fiqh telah memberi satu landasan dasar dalam menerapkan syari'at Islam khususnya dalam ibadah haji. Perbezaan yang wujud dalam mentafsirkan konsep *istita'ah* antara kalangan ulama fiqh mazhab telah membantu umat Islam untuk memahami konsep tersebut dengan sebaik mungkin. Melalui perbincangan di antara ulama fiqh dapat dirumuskan bahawa konsep *istita'ah* dalam ibadah haji adalah bergantung kepada kemampuan individu. Meraikan dan mematuhi *tasrih* atau kebenaran haji termasuk kuota dan visa haji bagi menunaikan ibadat

haji adalah perkara yang juga termasuk dalam *istita'ah* haji. Umat Islam yang belum mencapai *istita'ah* dalam ibadah haji tidak diwajibkan menunaikan haji. Walaupun ibadah haji diwajibkan kepada mereka yang mempunyai *istita'ah* namun niat dan usaha perlu diterapkan dalam diri supaya ibadah haji dapat ditunaikan.

Rujukan

- Ahmad al-Suduki, M. (t.th). *Hasyiyyah al-Dasuki 'Ala al-Syarh al-Kabir* (Vol. 2). Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabi.
- Ahmad Bahrin Nada. (2019). Konsep *Istita'ah* Dalam Al-Quran Pada Ibadah Haji. *Jurnal Tafseer*, 7, 109-124.
- Al-Asfahani, A.-R. (n.d.). *Mufradat al-Qur'an*.
- Al-Baghawi, A. M.-H. (1989). *Tafsir al-Baghawi*. Riyadh: Dar al-Thibah.
- Al-Jaziri, A. (1990). *Fiqh 'Ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khazin, A. M. (2004). *Tafsir al-Khazin, Lubab al-Ta'wil fi ma'ani al-Tanzil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Khin, M., al-Bugha, M., & al-Syarbaji, A. (1996). *al-Fiqh al-Manhajiy*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Mas'ud, A. (t.t). *Bada'I al-Sana'I fi Tartib al-Syara'I* (Vol. 3). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, M. (1998). *Shahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nawawi, Syaraf, Y. (1994). *Kitab al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-Umrah*. Makkah: al-Maktabah al-Imdadiyah.
- Al-Qurtubi, A. (2002). *Al-Jami' li Ahkami al-Quran* (Vol. 2). Kaherah: Dar Al-Hadith.
- Al-Raghib al-Asfihani, A. S. (2008). *Mu'jam Mufradat Alfazh Al-Qur'an*. Dar Al-kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Razi, F. (1981). *Tafsir al-Kabir wa Mafati*. Beirut: Dar al-Fikr.A
- Al-Syaddi, ' b. (2011). *Maqasid al-Haj Fi al-Quran al-Karim*. Riyadh: Dar al-Watan.
- Al-Syarbini, Muhammad, A. (2000). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyah.
- Al-Tabari, A. (t.t). *Tafsir al-Tabari* (Vol. 7). Kaherah: Maktabah Ibnu Taimiyah.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Fadhillah Ilham Mulkin, La Ode Angga, & Sabri Fataruba. (2021). Kajian Hukum Islam Terhadap Kebijakan Pemerintah Atas Kuota Lebih Kepada Jemaah Haji. *Jurnal Ilmu Hukum*, 708-721.
- G.Li&Clereq. (2020). *Therapeutic Options for The 2019 Novl Coronavirus(2019-nCoV)*. Retrieved from Nature Rewiews Drug Discovery: doi:<https://doi.org/10.1038/d41573-020-00016-0>
- Hairul Azman. (2009). *Jangan Sekadar Haji Miliki Haji Mabruur*. Kuala Lumpur: Mustread.
- Harahap, N. (2014). Iqra'. *Jurnal Perpustakaan dan Maklumat 8.1*, 68-74.
- Ibn 'Ashur. (2009). *Maqasid al-Syariah al-Islamiah*. Kaherh: Dar al-Salam Wa al-Tauzi'.
- Ibn Manzur, M. b. (1993). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, & Ahmad, A. (1997). *al-Mughni*. Arab Saudi: Dar 'Alim al-Kutub.
- Ibn Rusyd, A. M. (2004). *Bidayah al-Mjtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Arab Saudi: Dar al-Hadith.
- Jamaluddin Hashim. (2020). *Fiqh Haji Kontemporari*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Mu'jam al-Arabi al-Asasi. (1999). *Mu'jam al-arabi al-Asasi*. Kaherah: al-Mamzomah al-Arabiah Li Tarbiah wa Thaqofah Wa- Ulum.
- Mu'jam al-Wasit. (2004). *Mu'jam al-Wasit*. Kaherah: Maktabah al-Syuruk al-Dauliyah.

- Mu'jam Maqayis al-Lughah Ibn Faris, A. a.-H. (1994). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nukman Che Amin. (2003). *Qawaid Fiqhiyyah*. Kaherah: al-Azhar Media Enterprise.
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO). (2020). *WHO Director-General's Opening remarks at the media briefing on COVID-19-11 March 2020*. Retrieved from World Health Organization: <https://www.who.int/dg/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remark-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>
- Ridha, M. R. (1985). *Tafsir al-Quran al-Karim al-syahir bi Tafsir al-Manar* (Vol. 4). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ritonga, a., & Zainuddin. (1999). *Fiqh Ibadah*. Jakarta: Gaya Media Pratama.
- Singhal,T. (2020). A Review of Coronavirus Disease-2019 (COVID-19). *Indian Journal of Pediatrics*, 281-286.
- Tabung Haji. (2011). Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-26 Musim Haji 1432/2011. *Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-26 Musim Haji 1432/2011* (p. 41). Kuala Lumpur: Bahagian Bimbingan Tabung Haji.
- Tabung Haji. (25 Mei, 2019). *Kuota Haji*. Retrieved from TH: Kuota Haji: <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/haji/maklumat-am/kuota-haji>
- Tabung Haji. (2020). Menghayati Istita'ah Haji Dalam Menangani Wabak. *Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Ke-37 Musim Haji 1442H/2020M* (pp. 1-5). Kuala Lumpur: Unit Bimbingan TH.
- Tang, K. (2020). Movement control as an effective measure against Covid-19 spread in Malaysia: an overview. *Journal of Public Health* .
- Wahbah al-Zuhaili. (2002). *Fiqh al-Islam wa Adillatuhu*. Dar al-Fikr: Damsyik.
- Wahbah al-Zuhaili. (2003). *Al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Yusuf Abdul Rahim Salim Salamah. (2003). *Ahkam al-Istita'ah Fi al-Hajj Fi Dhau' al-Mustajaddat al- Mu'asirah*. Nablus.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Maqasid al-Syariah Satu Pengenalan Umum*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi.